TAFSĪR SŪRAH YĀSĪN



Shurbah al-Ẓamʾān fī Tafsīr Qalb al-Qurʾān

Tuan Guru Haji ʻAlī Ṣalāḥuddīn رَحِمَهُ ٱللَّهُ

Guru Agama di Masjid Besar Muḥammadī, Kota Bharu, Kelantan

Suntingan dan nota oleh

FAWAID HARIAN

Muqaddimah Penyunting

Dengan Nama Allāh yang maha pengasih lagi maha penyayang.

Segala puji bagi Allāh, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muḥammad serta keluarga, para sahabat, pewaris, pengikut dan sekalian umat baginda.

Melihat betapa ramai masyarakat kita yang minat membaca, timbul niat di hati untuk menyediakan bahan bacaan yang baik bagi mereka, sambil menghidupkan kembali penulisan yang ditinggalkan oleh ‘ulama tanahair kita, yang judul-nya bahkan tak pernah didengari oleh ramai orang. Lebih-lebih lagi melihat betapa wahyu, yang mana adalah ia sebesar-besar ni’mat buat sekalian makhluq, seutama-utama bacaan yang patut direnungi, tidak mendapat perhatian yang begitu hebat dan tidak begitu difahami oleh masyarakat awam; maka jadilah fokus hamba untuk menghidupkan kitab-kitab bertemakan tafsir al-Qur’an. Lahirlah hasil suntingan ini sebagai projek pertama hamba, iaitu tafsir Surah Yāsīn, antara surah yang paling dikenali dan sering diamalkan oleh masyarakat kita.

Buku ini adalah karya Tuan Guru Haji Ali Salahuddin (w. 1968), salah seorang anak murid bagi Tok Kenali (w. 1933) رَحِمَهُمَاٱللَّهُ yang masyhur di tanahair Malaysia. Usaha hamba hanyalah melakukan transliterasi dari Jawi ke Rumi serta meletakkan notakaki bagi beberapa ayat yang agak berbunyi bahasa lama supaya masyarakat zaman ini tidak keliru membacanya.

Hanya kepada Allāh hamba meminta agar dengan usaha ini, dapat dihidupkan semula karya peninggalan mereka dan menjadi manfaat bagi Ummah Muḥammadiyyah.

Taqrīẓ[1] al-Fāḍil al-ʿĀlim Tuan Guru Haji Abdullah Tahir

Bunut Payong Kelantan Dar al-ʿIlm wa al-Naʿīm

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله. والصلاتان على رسول الله. وعلى آله وأصحابه وأنصار دين الله.

أما بعد،[2]

Maka telah saya tatap tafsir Yāsīn yang munasabah dinamakan dia dengan «Shurbah al-Ẓamʾān fī Tafsīr Qalb al-Qurʾān»[3] daripada awal hingga akhir yang terkeluar ia daripada mata air yang daripada «عيون النهر، الذي قد يوجد فيه ما لا يوجد في البحر». Betapa tidak, kerana al-Shurbah yang tersebut telah mengkeluarkan dia oleh rafīqu-nā wa ustādhu-nā Ṣalāḥuddīn al-Ustādh al-Ḥāji Alī Dhū 'l-Amal al-Maʿālī. « وهو أحد تلاميذ المرحوم شيخنا الكنالي، والمدرس في المسجد المحمدي الآن، نفعنا الله بأنوار علومه ما دام الملوان»[4], oleh itu terkaya daripada gubahkan bunga pujian yang sedang semerbak keharuman baunya, kerana kesan-kesan kelebihan farʿ itu mengikut kesan-kesan aṣal-nya[5], moga-moga dibalaskan dia oleh Allah ﷻ sebagai balasan yang penuh dan sambutan yang memberi faedah di segala tempat dan masa selama-lamanya, āmīn,

يا مجيب السائلين، الهادي إلى الصراط المستقيم، والنافع بذلك النفع العميم[6].

---

[1] Kata penghargaan.

[2] "Segala puji bagi Allah. Dan dua ṣalāt (salawat dan salam) ke atas Rasulillah, dan ke atas ahli keluarga baginda, para sahabat baginda serta para pembantu agama Allah. Adapun kemudian daripada itu".

[3] Terjemah: Minuman bagi orang dahaga pada mentafsirkan hati al-Qur'an.

[4] Terjemah: Dan beliau adalah salah seorang pelajar yang dihormati bagi Shaykh kita al-Kenali, dan adalah pengajar di Masjid Muḥammadī sekarang, semoga Allah memberi manfaat kepada kita dengan cahaya-cahaya ilmu-nya selama adanya siang dan malam.

[5] Kelebihan farʿ (cabang) itu mengikut kesan-kesan aṣal (umbi), iaitu kelebihan murid itu mengikut kesan gurunya, iaitu Tok Kenali رَحِمَهُ ٱللَّهُ.

[6] Terjemah: Wahai yang menjawab para peminta, yang menunjuk kepada jalan yang lurus, yang memberi manfaat dengan demikian itu akan sebagai manfaat yang meratai.

3 ذي القعدة 1378هـ كتبه ببنانه تراب أقدام أولي النهى، القائل ومن المعلوم أن الأم تحمد بنتها، عبد الله طاهر بن أحمد مدرسة أحمدية بنوت ڤايوڠ كلنتن دار العلم والنعيم[7].

[7] Terjemah: Telah menulis dengan jari-jari-nya oleh debu kaki-kaki orang-orang yang berakal fikiran. Yang benar—dan adalah maklum bahawa seorang ibu itu akan memuji anak perempuan-nya—Abdullah Tahir bin Ahmad, Madrasah Aḥmadiyyah Bunut Payong Kelantan Darul ʿIlm wa ʿn-Naʿīm.

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على سيد المرسلين سيدنا محمد، وعلى آله وصحبه أجمعين.

أما بعد.

Dengan tawfīq Tuhan dan kemurahan-Nya maka saya mempersembahkan tafsīr Sūrah Yāsīn atau terjemah-nya yang saya namakan dengan «Shurbah al-Ẓamʾān – fī Tafsīr Qalb al-Qurʾān» bagaimana yang di-isyarat di dalam taqrīẓ al-fāḍil Tuan Guru Haji Abdullah Tahir kepada hadrat saudara-saudara saya daripada yang laki-laki dan perempuan yang mana cinta kepada ugama yang suci dan kasih kepada mengetahui kandungan KitabuLlah al-Qurʾān al-Karīm sepenuh-penuh kasih supaya lekat dan mesra di hati-nya pada ketika dibacanya. Dan diharapkan daripada saudara-saudara yang memandang kepada-nya dengan mata yang inṣāf dan terlihat ia di dalam-nya kesilapan bahawa ia memberitahu kepada saya di dalam masa saya ada lagi ataupun membaiki dan menggantikan dengan yang sebenar kemudian daripada wujud saya kerana manusia tidak sunyi daripada jatuh kesilapan.

Oleh yang demikian sila-lah saudara-saudara sambutkan hadiah daripada saya ini dan akan dibalas dengan kebajikan daripada hadrat Ilahi terhadap diri saya maka dipohonkan tercapainya di akhirat kelak. Āmīn yā Rabba ‘l-ʿālamīn.

Pulau Pisang, Kelantan — Haji Ali Salahuddin

Pada 22 Shawwāl 1378H — Guru Ugama di Masjid Muḥammadī

Ini terjemah atau tafsir Sūrah “Yāsīn” dan surah ini digelarkan surah “Makkiyyah” (diturunkan sebelum Nabi ﷺ berpindah ke Madinah) ataupun digelarkan surah “Madaniyyah” (diturunkan dia setelah Nabi ﷺ berpindah ke Madinah) dan surah ini mengandungi lapan puluh dua ayat di atas satu tafsir dan lapan puluh tiga ayat di atas tafsir yang lain.

Peringatan

Sebelum daripada hamba menyebutkan terjemah atau tafsir surah ini maka eloklah hamba sebutkan beberapa hadith yang menunjukkan kelebihan dan manfaat surah ini sebagai menjadikan pendahuluan bagi terjemahan-nya dan menggemarkan bagi pembaca-nya. Dan iaitu :-

(1) Telah diriwayatkan daripada Maʿqil bin Yasār kata-nya

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم «اقْرَءُوا يس عَلَى مَوْتَاكُمْ»

Ertinya: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: Bacalah kamu Surah Yasin di atas (di sisi) orang-orang yang hampir mati daripada kamu.

(2) Dan telah menyebut al-Ājurrī hadith daripada Ummu al-Dardāʾ ia ambil daripada Nabi ﷺ sabda-nya:-

«مَا مِنْ مَيِّتٍ يُقْرَأُ عَلَيْهِ يس إِلَّا هَوَّنَ اللهُ عَلَيْهِ»

Ertinya: Tiada seorang yang hampir mati yang dibacakan di atas-nya (di sisi-nya) Surah Yasin melainkan dimudahkan oleh Allah Ta’ala di atas-nya.

(3) Dan disebut di dalam Musnad al-Dārimī asalnya daripada Abī Hurayrah kata-nya:

«قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، مَنْ قَرَأَ يس فِي لَيْلَةٍ ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللهِ غَفَرَ اللهُ لَهُ فِي تِلْكَ اللَّيْلَةِ خَرَّجَهُ أَبُو نُعَيْم الحَافِظُ»

Ertinya: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: Barangsiapa membaca Surah Yasin pada satu malam – kerana menuntut akan Wajah Allah Ta’ala (semata-mata dengan ikhlas hati-nya) nescaya mengampuni Allah Ta’ala bagi-nya pada malam itu.

(4) Dan telah meriwayat oleh al-Tirmidhī daripada Anas kata-nya:

«قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا، وَقَلْبُ القُرْءَانِ يس وَمَنْ قَرَأَ يس كَتَبَ اللهُ لَهُ بِهَا قِرَاءَةَ القُرْءَانِ عَشْرَ مَرَّاتٍ»

Ertinya: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: Bahawasanya thabitlah bagi tiap-tiap suatu itu hati, dan bermula hati Qur'an itu ialah Surah Yasin, dan barangsiapa membaca akan Surah Yasin nescaya ditulis oleh Allah Ta'ala bagi-nya dengan sebab-nya itu akan baca Qur'an sepuluh kali.

Dan telah berkata Nasafī[8] sebagai menerangkan sebab dinamakan Surah Yasin ini hati Qur'an – katanya; Kerana bahawasanya ini (Surah Yasin) tidak ada di dalam-nya melainkan menetapkan usul-usul: (umbi-umbi) yang tiga perkara. (1) Menetapkan keesaan Tuhan, (2) Menetapkan kerasulan Nabi Muhammad ﷺ dan (3) Menetapkan ada himpun di padang Maḥshar kelak, dan ia itu (usul-usul yang tiga) perkara yang bergantung dengan hati.

Dan adapun perkara yang bergantung dengan lidah dan anggota-anggota yang lain lagi maka ia itu disebutkan di dalam surah yang lain daripada Surah Yasin, maka tatkala adalah di dalam Surah Yasin itu amalan hati tidak yang lain dinamalah akan dia Hati Qur'an – dan dari kerana inilah disuruh baca akan dia di sisi mereka-mereka yang hampir mati – kerana bahawasanya pada waktu itu adalah lidah-nya telah lemah kekuatan-nya dan segala anggota-nya yang lain telah gugur (tidak berkuasa lagi) tetapi hati-nya telah berhadap kepada Tuhan dan tinggal daripada barang yang lain-nya, maka dibacakan di sisi-nya barang yang ditambahkan dengan sebab-nya akan kekuatan hati-nya dan kuat yaqin-nya dengan segala usul-usul yang tiga tadi, intahā.

(5) Dan disebut di dalam hadith daripada Shahr bin Ḥawshab kata-nya (Ḥawshab):

«قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ مَنْ قَرَأَ يس حِينَ يُصْبِحُ أُعْطِيَ يُسْرَ يَوْمِهِ حَتَّى يُمْسِيَ، وَمَنْ قَرَأَهَا فِي صَدْرِ لَيْلَةٍ أُعْطِيَ يُسْرَ لَيْلَتِهِ حَتَّى يُصْبِحَ»

Ertinya: Telah berkata Ibn ʿAbbās barangsiapa membaca Surah Yasin waktu pagi nescaya diberi akan dia kemudahan di dalam hari-nya itu sehingga sampai sebelah petang, dan barangsiapa membaca akan dia pada awal-awal malam-nya nescaya diberi akan dia kemudahan pada malam-nya itu sehingga sampai subuh.

[8] Al-Imām Abū 'l-Barakāt Abdullāh bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī رَحِمَهُ ٱللَّهُ (w. 710H). Pemilik bagi kitab tafsir *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl.*

(6) Dan telah menyebut al-Thaʿlabī daripada Abī Hurayrah bahawasanya Rasulullah ﷺ telah bersabda:

«مَنْ قَرَأَ سُورَةَ يس لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ أَصْبَحَ مَغْفُورًا»

Ertinya: Barangsiapa membaca akan Surah Yasin pada malam Jumaat nescaya dapat ampuni ia sebelah pagi itu.

(7) Dan diriwayatkan daripada Anas bahawasanya Rasulullah ﷺ telah bersabda dengan kata-nya:

«مَنْ دَخَلَ المَقْبَرَةَ فَقَرَأَ سُورَةَ يس خُفِّفَ العَذَابُ عَنْ أَهْلِهَا ذَلِكَ الْيَوْمَ، وَكَانَ لَهُ بِعَدَدِ مَنْ فِيهَا حَسَنَاتٌ»

Ertinya: Barangsiapa masuk pada tempat perkuburan (tempat tanam orang yang mati) maka membaca ia akan Surah Yasin nescaya diringankan azab daripada ahli-nya pada hari itu, dan adalah bagi-nya (bagi yang membaca) kebajikan dengan sebilang-bilangan mereka-mereka yang ada pada-nya (pada tempat perkuburan itu).

(8) Dan berkata Yaḥyā bin Abī Kathīr:

«بَلَغَنِي أَنَّ مَنْ قَرَأَ سُورَةَ يس لِيْلًا لَمْ يَزَلْ فِي فَرَحٍ حَتَّى يُصْبِحَ وَمَنْ قَرَأَهَا حِينَ يُصْبِحُ لَمْ يَزَلْ فِي فَرَحٍ حَتَّى يُمْسِيَ، وَقَدْ حَدَّثَنِي مَنْ جَرَّبَهَا، ذَكَرَهُ الثَّعْلَبِيُّ وَابْنُ عَطِيَّةَ، يُصَدَّقُ ذَلِكَ التَّجْرِبةُ»

Ertinya: Telah sampai kepada aku bahawasanya barangsiapa membaca Surah Yasin pada malam nescaya sentiasalah ia di dalam sukacita sehingga sampai subuh (pagi-pagi), dan barangsiapa membaca akan dia pada waktu pagi-pagi nescaya sentiasalah ia di dalam sukacita sehingga sampai petang. Dan sungguhnya telah mengkhabar kepada aku oleh mereka yang telah mencuba akan dia, disebut akan dia oleh al-Thaʿlabī dan Ibn ʿAṭiyyah, dan membenar (menyaksi) akan yang demikian itu oleh pencubaan itu.

(9) Dan tersebut di dalam Bayḍāwī[9] begini:- Dan diriwayatkan daripada Ibn ʿAbbās bahawasanya Nabi ﷺ telah bersabda dengan kata-nya:

«إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا، وَقَلْبُ القُرْآنِ يس، مَنْ قَرَأَهَا يُرِيدُ بِهَا وَجْهَ اللهِ غَفَرَ اللهُ لَهُ، وَأُعْطِيَ مِنَ الأَجْرِ كَأَنَّمَا قَرَأَ القُرْآنَ عَشْرَ مَرَّاتٍ، وَأَيُّمَا مُسْلِمٍ قُرِئَ عِنْدَهُ إِذَا نَزَلَ بِهِ مَلَكُ الْمَوْتِ سُورَةَ يس نَزَلَ بِكُلِّ حَرْفٍ مِنْهَا عَشَرَةُ أَمْلَاكٍ

[9] Al-Imām Nāsiruddīn Abū ʻl-Khayr ʻAbdullāh bin ʻUmar bin Muḥammad al-Shīrāzī al-Shāfiʻī al-Bayḍāwī رَحِمَهُ ٱللَّهُ (w. 691H). Pemilik kitab tafsir Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Taʾwīl.

يَقُومُونَ بَيْنَ يَدَيْهِ صُفُوفًا يُصَلُّونَ عَلَيْهِ وَيَسْتَغْفِرُونَ لَهُ وَيَشْهَدُونَ غُسْلَهُ وَيَتَّبِعُونَ جَنَازَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَيْهِ وَيَشْهَدُونَ دَفْنَهُ، وَأَيُّمَا مُسْلِمٍ قَرَأَ سُورَةَ يس وَهُوَ فِي سَكَرَاتِ الْمَوْتِ لَمْ يَقْبِضْ مَلَكُ الْمَوْتِ رُوحَهُ حَتَّى يَجِيءَ رِضْوَانُ بِشُرْبَةٍ مِنَ الْجَنَّةِ فَيَشْرَبُهَا وَهُوَ عَلَى فِرَاشِهِ فَيَقْبِضُ رُوحَهُ وَهُوَ رَيَّانُ، وَيَمْكُثُ فِي قَبْرِهِ وَهُوَ رِيَّانُ، وَلَا يَحْتَاجُ إِلَى حَوْضٍ مِنْ حِيَاضِ الأَنْبِيَاءِ حَتَّى يَدْخُلَ الْجَنَّةَ وَهُوَ رَيَّانُ»

Ertinya: Bahawasanya ada bagi tiap-tiap sesuatu itu hati, dan bermula hati Qur'an itu ialah Surah Yasin, barangsiapa membaca akan dia pada hal menghendaki dengan-nya akan WajhaLlah (semata-mata dengan ikhlas hati-nya terhadap kepada Allah Ta'ala) nescaya mengampuni Allah Ta'ala bagi-nya, dan diberi akan dia pahala seolah-olah ia membaca Qur'an sepuluh kali, dan siapa-siapa daripada orang Islam yang dibacakan di sisi-nya apabila turun Malak al-Mawt (malaikat yang mengambil roh mereka-mereka yang hendak mati) akan Surah Yasin nescaya turun dengan tiap-tiap satu huruf daripada-nya (Surah Yasin) sepuluh malaikat yang berdiri di hadapan-nya pada hal malaikat itu berbaris meminta ampun mereka itu bagi-nya (bagi Muslim itu) dan menghadiri mereka itu ketika dimandi akan dia dan mengiringi mereka itu akan jenazah-nya, dan menyembahyang mereka itu di atas-nya, dan menghadiri mereka itu ketika ditanamkan dia. Dan siapa-siapa daripada orang Islam yang membaca akan Surah Yasin di dalam kesusahan hendak mati nescaya tidak mengambil oleh Malak al-Mawt akan roh-nya melainkan membawa datang oleh Riḍwān (malaikat yang menjaga syurga) dengan seteguk minuman daripada syurga maka minum ia pada hal ia di atas hamparan-nya, kemudian barulah diambil oleh Malak al-Mawt itu akan roh-nya pada hal ia tidak dahaga, dan berhenti ia (duduk) di dalam qubur-nya dengan ketiadaan dahaga-nya, dan tidak berhajat ia kepada satu kolam daripada beberapa kolam Anbiya' sehingga terus masuk ia ke dalam syurga dengan ketiadaan dahaga-nya.

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan nama Allah yang amat murah lagi amat mengasihani.

Keterangan hukuman baca Basmalah dan faedahnya

(1) Basmalah itu dituntuti baca pada permulaan tiap-tiap pekerjaan yang diperkenankan pada shara' – iaitu pekerjaan yang tidak diharamkan, tidak dimakruhkan dan tidak pula pekerjaan yang keji-keji, dan jika dibacakan pada pekerjaan yang haram jadi haram, dan pada pekerjaan yang makruh jadi makruh, dan pada pekerjaan yang keji tidak dituntutkan bacanya bahkan awlā ditinggalkan. Pendeknya: Berlakulah pada baca Basmalah itu lima hukum shara'. (1) Wajib – seperti dibaca dalam sembahyang (2) Haram – seperti dibaca pada ketika berzina, minum umpama arak dan sebagainya (3) Sunat – seperti dibaca pada ketika mengambil air sembahyang, mandi dan sebagainya (4) Makruh – seperti dibaca pada ketika memandang kepada faraj (kemaluan) isteri-nya dan sebagainya, dan (5) Harus – seperti dibaca pada segala perkara yang harus yang tidak ada mulia pada-nya seperti dibaca pada ketika hendak memindahkan barang-barang-nya daripada suatu tempat kepada tempat yang lain – ini diatas satu perkataan (kata qīl).

(2) Dan telah menaqal setengah 'ulama bahawasanya barangsiapa membaca Basmalah empat puluh satu kali kemudian dihadiahkan kepada Ahl al-Nawbah[10] dan berkata ia: Hai Ahl al-Nawbah bahawasa aku di dalam pemeliharaan kamu, nescaya sentosa ia daripada tiap-tiap marabahaya dan terpelihara ia daripada segala bala.

(3) Dan dinaqal daripada al-Shaykh Muḥammad Ṭāhir Sunbul bagi menunaikan hajat iaitu bahawa dibacakan tujuh ratus lapan puluh enam kali akan doa Basmalah ini – iaitu:

اللَّهُمَّ أَنْتَ لَهَا وَلَوْ عَظُمَتْ فَرِّجْهَا بِفَضْلِ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

Ertinya: Hai Tuhan-ku Engkaulah yang menunaikan baig ini hajat sekalipun besar lepaskanlah engkau akan dia dengan kelebihan Bismi Llāh al-Raḥmān al-Raḥīm.

[10] Wali pada setiap kawasan. Rujuk kitab *al-Khabar al-Dāll 'alā Wujūd al-Quṭb wa al-Awtād wa al-Nujabā' wa al-Abdāl* oleh al-Imām al-Suyūṭī رَحِمَهُ ٱللَّهُ. Petua amalan ini juga ditemui di bahagian tepi bagi kitab *Farīdah al-Farā'id fī 'Ilm al-'Aqā'id* karangan guru bagi Tok Kenali رَحِمَهُ ٱللَّهُ iaitu Shaykh Wan Aḥmad al-Faṭānī رَحِمَهُ ٱللَّهُ.

Firman Tuhan:

﴿يٰسٓ﴾

(1) Telah diriwayat daripada Ibn ʿAbbās رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ma'na-nya: Pada lughah Arab Ṭayyiʾ (Yā insān) ertinya: Wahai manusia, dan diriwayatkan daripada Ibn al-Ḥanafiyyah (Yā Muḥammad) dan ada tersebut di dalam hadith sekira-kira ma'nanya begini: Bahawasa Allah Ta'ala telah mempernamakan daku di dalam Qur'an dengan tujuh nama: Muḥammad, Aḥmad, Ṭāhā, Yāsīn, al-Muzzammil, al-Muddaththir dan Abdullāh. Kata Tafsīr Jalālayn: «اللَّهُ أَعْلَمُ بِمُرَادِهِ بِهِ» ertinya: Allah Ta'ala jualah yang mengetahuikan kehendak-Nya dengan kalimah itu.

Firman Tuhan:

﴿وَٱلْقُرْءَانِ ٱلْحَكِيمِ﴾

(2) Ertinya: *Demi Qur'an yang mempunyai hikmah* (cakapan yang teguh).

Firman Tuhan:

﴿إِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ﴾

(3) Ertinya: *Bahawasa engkau* (hai Rasulallah) *setengah daripada mereka-mereka yang diutuskan* (yang jadi Rasul).

Firman Tuhan:

﴿عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ﴾

(4) Ertinya: *Lagi pula adalah engkau di atas jalan yang betul.*

<u>Keterangan dengan secara pendek di atas tiga ayat itu</u>

Bahawasanya Allah ﷻ telah bersumpah dengan menyebutkan lafaz al-Qurʾān kerana dua sebab: (1) Kerana menolakkan perkataan kuffār yang terhadap kepada Nabi Muhammad ﷺ iaitu kata mereka itu kepada-nya «لَسْتَ مُرْسَلًا» ertinya: "Bukan engkau Rasul", dan (2)

Kerana menerangkan bahawasanya Nabi Muhammad ﷺ itu ada berhimpun pada-nya dua sifat, (1) Kerasulan dan (2) Di atas jalan yang betul.

Firman Tuhan:

﴿تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ﴾

(5) Ertinya: *Diturun akan Qur'an ini oleh Tuhan yang bersifat dengan mengalah* akan waham-waham yang mempunyai ʿinād[11] (melawan sebenar), *lagi Tuhan yang bersifat dengan penyayang.*

Firman Tuhan:

﴿لِتُنذِرَ قَوۡمَا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمۡ فَهُمۡ غَٰفِلُونَ﴾

(6) Ertinya: *Supaya engkau buat menakuti akan kaum yang tidak pernah lagi diberi takuti akan datuk nenek mereka itu sebelum daripada engkau ini, maka mereka itu di dalam kelalaian* dan kelupaan (ya'ni daripada azab akhirat).

Keterangan yang pendek di atas ayat itu

Hikmah dan faedah diturunkan al-Qur'an al-Karim ini ialah supaya Nabi Muhammad ﷺ buat mengajari dan menakuti kaum Arab pada tentang hukum ugama Islam, yang belum lagi diberi takuti akan datuk nenek mereka itu oleh satu Rasul pun sebelum daripada Nabi Muhammad ini.

Firman Tuhan:

﴿لَقَدۡ حَقَّ ٱلۡقَوۡلُ عَلَىٰٓ أَكۡثَرِهِمۡ فَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ﴾

(7) Ertinya: *Demi Allah sungguhnya tetaplah titah Tuhan di atas kebanyakan mereka itu* (kuffār) *kerana mereka itu tidak beriman.*

[11] Menentang kebenaran.

Keterangan yang pendek di atas ayat itu

Maksudnya: Bergantung dan tetaplah di atas mereka itu (kuffār) titah Tuhan yang ada disebut pada ayat yang lain iaitu satu potongan daripada ayat yang disebut di dalam Surah al-Sajdah bunyinya «لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ» ertinya: Demi Allah aku akan memenuhi neraka Jahannam itu daripada bangsa Jin dan Manusia sekaliannya (ya'ni kerana bahawasanya mereka itu setengah daripada mereka yang diketahui oleh Allah ﷻ mati di atas kufur. Naʿūdhu biLlāh min dhālik).

Firman Tuhan:

﴿إِنَّا جَعَلْنَا فِيٓ أَعْنَـٰقِهِمْ أَغْلَـٰلًا فَهِىَ إِلَى ٱلْأَذْقَانِ فَهُم مُّقْمَحُونَ﴾

(8) Ertinya: *Bahawa sungguh Kami (*Tuhan*) jadikan pada tengkuk mereka itu (*kuffār*) beberapa belenggu, maka belenggu itu sampailah ia kepada dagu mereka itu, maka terangkatlah kepala mereka itu* (ya'ni tak dapat hendak tunduk ke bawah) maka sentiasalah kepala mereka itu terangkat.

Keterangan yang pendek di atas ayat itu

Ini Tuhan buat bandingan pada tentang teguh orang-orang kafir itu diatas sifat kekufuran-nya itu seperti bagaimana orang-orang yang kena belenggu itu tak-dak[12] dapat berpaling ke kanan dan ke kiri, dan tak-dak dapat hendak angkatkan kepala – begitulah orang-orang kafir yang telah teguh dan tetap diatas kekufuran-nya itu tak-dak jalan kepada terhenti dan tertegah daripada kekufuran-nya itu, dan tidak berpaling sekali-kali kepada jalan yang sebenar.

Firman Tuhan:

﴿وَجَعَلْنَا مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَـٰهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ﴾

(9) Ertinya: *Dan Kami* (Tuhan) *jadikan di antara hadapan mereka itu* (kuffār) *satu penutup* (dinding) *dan di belakang mereka itu satu penutup, maka Kami tutupkan* (dindingkan)

[12] Jawi: «تأدق». Loghat Kelantan bagi "tak ada".

pelihatan mereka itu maka mereka itu pun tak dapat melihat – (ya'ni akan yang benar dan pertunjuk).

Keterangan yang pendek di atas ayat itu

Kata qīl (perkataan yang tidak disebutkan nama tubuh yang berkata) ayat itu diturunkan kerana berkenaan dengan Arab Banī Makhzūm (nama satu puak Arab) dan seorang daripada mereka itu ialah Abu Jahal dan ia bersumpah kalau ia melihat akan Nabi Muhammad ﷺ sembahyang ia hendak lontar akan kepala-nya (kepala Nabi ﷺ) dengan anak batu, maka langsung ia pun (Abu Jahal) datang kepada Nabi pada hal-nya (Nabi ﷺ) di tengah sembahyang dan ada serta-nya (di tangan Abu Jahal) anak batu kerana hendak buat lontar akan Nabi ﷺ. Maka tatkala mengangkat ia (Abu Jahal) akan tangan-nya lalu-lah lekat ia (tangan itu) ke tengkuk-nya dan lekat anak batu itu di tangan-nya sehingga melepas oleh mereka itu (Bani Makhzūm yang ramai tadi) daripada tangan-nya (Abī Jahal) dengan menyungguh-nyungguhi, maka langsunglah ia pun (Abu Jahal) kembali kepada kaum-nya maka lalu-lah ia pun bercerita kepada kaum-nya, kemudian berkata satu Makhzūm yang lain: Biarlah aku bunuh akan dia (Nabi Muhammad ﷺ) dengan anak batu ini, maka langsung ia pun (Makhzūm yang lain itu) pergi, maka langsung dibutai oleh Allah ﷻ akan mata-nya (mata Makhzūm yang lain itu).

Firman Tuhan:

﴿وَسَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ ءَأَنذَرۡتَهُمۡ أَمۡ لَمۡ تُنذِرۡهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ﴾

(10) Ertinya: *Dan bersamaanlah di atas mereka itu* (kuffār) *engkau* (wahai Rasulallah) *memberi menakuti akan mereka itu, atau pun engkau tidak memberi menakuti akan mereka itu – tidak beriman mereka itu sekali-kali.*

Keterangan yang pendek di atas ayat itu

Maksudnya: Mana-mana mereka yang telah disesati akan dia oleh Allah ﷻ nescaya tidaklah memberi manfaat akan dia oleh menakuti Nabi Muhammad ﷺ.

Firman Tuhan:

﴿إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكۡرَ وَخَشِيَ ٱلرَّحۡمَٰنَ بِٱلۡغَيۡبِۖ فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ﴾

(11) Ertinya: *Ha sungguhnya mengambil manfaat menakuti engkau itu* (wahai Rasulallah) *oleh mereka yang mengikut akan Qur'an dan takut ia akan Tuhan yang bernama "al-Raḥmān"* (ya'ni takut akan seksa-Nya) *pada hal-Nya* (Tuhan) *gha'ib* (tak dapat dipandangkan) *maka hendaklah engkau khabar akan dia dengan dapat ampuni Tuhan daripada dosa-nya dan dapat balasan yang mulia* (syurga).

Ayat itu maksudnya sangat terang tidak hajati kepada menerangkan dia.

Firman Tuhan:

﴿إِنَّا نَحۡنُ نُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰ وَنَكۡتُبُ مَا قَدَّمُواْ وَءَاثَٰرَهُمۡۚ وَكُلَّ شَيۡءٍ أَحۡصَيۡنَٰهُ فِيٓ إِمَامٖ مُّبِينٖ﴾

(12) Ertinya: *Bahawasanya Kami* (Allah Ta'ala) *akan mehidupkan* (membangkitkan) *sekalian mereka-mereka yang telah mati, dan Kami menuliskan segala amalan yang mereka itu telah membuat pada masa dahulu* (di atas dunia) – baik pun amalan yang soleh dan lain-nya, *dan juga Kami tulis bekasan-bekasan mereka itu* seperti ilmu yang diajari oleh mereka itu, kitab-kitab yang dikarangkan oleh mereka itu, waqaf-waqaf mereka itu dan sebagainya sama ada bekasan-bekasan itu perkara yang menjadi kebaikan (kebajikan) bagaimana yang disebut, ataupun perkara yang menjadi kejahatan seperti perkara yang diperbuat oleh puak yang zalim – daripada perkara-perkara yang ditegah (tempat-tempat ma'siat), *dan telah Kami menyatakan tiap-tiap sesuatu itu di dalam Imām yang menerang* (Lawḥ Maḥfūẓ).

Ayat itu sangatlah terang maksudnya – tidak juga dihajati kepada menerangkan dia.

Firman Allah:

﴿وَٱضۡرِبۡ لَهُم مَّثَلًا أَصۡحَٰبَ ٱلۡقَرۡيَةِ إِذۡ جَآءَهَا ٱلۡمُرۡسَلُونَ﴾

(13) Ertinya: *Dan hendaklah engkau* (wahai Rasulallah) *menerangkan kepada mereka itu* (kuffār) *akan satu bandingan – ia-lah penduduk-penduduk satu kampung* (kampung yang bernama Anṭākiyah) – bandingan itu ialah *waktu datang oleh beberapa utusan* – (ya'ni utusan daripada Nabi Allah ʿĪsā عَلَيۡهِ ٱلسَّلَامُ) *kepada penduduk-penduduknya*.

Keterangan yang pendek di atas ayat itu

Sebutlah engkau dan riwayatlah engkau wahai Rasulallah kepada kuffār itu akan cerita penduduk-penduduk di kampung Anṭākiyah pada waktu datang kepada mereka itu oleh utusan Nabi Allah ʿĪsā عَلَيۡهِ ٱلسَّلَامُ pada hal ia (Nabi Allah ʿĪsā) menghantar akan utusan itu supaya menyeru oleh mereka itu (utusan-utusan itu) akan penduduk-penduduk kampung Anṭākiyah itu kepada jalan yang sebenar kerana mereka itu (penduduk-penduduk Anṭākiyah) puak-puak yang menyembah berhala.

Firman Tuhan:

﴿إِذۡ أَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهِمُ ٱثۡنَيۡنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزۡنَا بِثَالِثٖ فَقَالُوٓاْ إِنَّآ إِلَيۡكُم مُّرۡسَلُونَ﴾

(14) Ertinya: Waktu datang utusan-utusan itu – ialah *waktu Kami* (Tuhan) *menyuruh* (ya'ni waktu menyuruh Nabi Allah ʿĪsā dengan perintah-Nya Kami) *akan dua orang pergi kepada mereka itu* (penduduk-penduduk Anṭākiyah) nama dua orang utusan itu ialah Ṣādiq dan Ṣadūq, *maka mendusta oleh mereka itu* (penduduk-penduduk Anṭākiyah) *akan kedua-duanya itu, maka langsung Kami pun* (Tuhan) *mengkuatkan* dua utusan tadi *dengan yang ketiga* nama-nya (Shamʿūn) *maka langsung berkata oleh ketiga-tiga utusan itu: "Bahawasanya kami yang bertiga ini telah diutuskan kepada kamu."*

Firman Tuhan:

﴿قَالُواْ مَآ أَنتُمۡ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحۡمَٰنُ مِن شَيۡءٍ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا تَكۡذِبُونَ﴾

(15) Ertinya: *Jawab mereka itu* (penduduk-penduduka Anṭākiyah itu) kepada utusan yang bertiga itu dengan kata mereka itu: "*Tiadalah kamu ini melainkan manusia yang seumpama kami juga dan tiada menurun oleh Tuhan yang bernama "al-Raḥmān" akan sesuatu pun* (kehendak mereka itu tidak menurun akan wahyu) – *tiadalah kamu ini melainkan dusta."*

Firman Tuhan:

﴿قَالُواْ رَبُّنَا يَعۡلَمُ إِنَّآ إِلَيۡكُمۡ لَمُرۡسَلُونَ﴾

(16) Ertinya: *Jawab mereka itu* (utusan yang bertiga itu) dengan kata mereka itu: "*Bermula Tuhan kami mengetahui dengan bahawasa kami yang bertiga ini betul diutuskan kepada kamu."*

Firman Tuhan:

﴿وَمَا عَلَيۡنَآ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ﴾

(17) Ertinya: Jawab mereka itu lagi (utusan itu) dengan kata: "*Dan tiadalah apa-apa di atas kami ini melainkan menyampaikan yang terang"* (ya'ni terang dengan beberapa tanda yang mengesahkan kami ini jadi utusan).

Firman Tuhan:

﴿قَالُوٓاْ إِنَّا تَطَيَّرۡنَا بِكُمۡۖ لَئِن لَّمۡ تَنتَهُواْ لَنَرۡجُمَنَّكُمۡ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٞ﴾

(18) Ertinya: *Berkata mereka itu* (penduduk-penduduk Anṭākiyah itu) terhadap kepada utusan-utusan itu: "*Bahawasanya kami terkena kejahatan dengan sebab kedatangan kamu, demi Allah jika tidak berhenti kamu daripada perkataan kamu ini nanti kami lontar* (kami bunuh) *akan kamu, dan nanti mengenai akan kamu azab yang pedih daripada kami* (azab api)."

Firman Tuhan:

﴿قَالُواْ طَٰٓئِرُكُم مَّعَكُمۡ أَئِن ذُكِّرۡتُمۚ بَلۡ أَنتُمۡ قَوۡمٞ مُّسۡرِفُونَ﴾

(19) Ertinya: *Jawab mereka itu* (utusan-utusan yang bertiga itu) terhadap kepada penduduk-penduduk Anṭākiyah itu dengan kata: "*Sebab bagi kejahatan kamu itu ada serta kamu* – (iaitu kufur kamu) – *adakah patut jika diserukan kamu kepada Islam*, kamu berkata: (Kami terkena kejahatan dengan sebab kedatangan kamu)[13] – kata utusan-utusan yang bertiga itu: *Bahkan kamu-lah kaum melanggari hukuman-hukuman."*

Firman Tuhan:

[13] Seolah kata, "adakah logik, hanya kerana kamu diserukan kepada Islam mengakibatkan kamu terkena majal?"

﴿وَجَآءَ مِنۡ أَقۡصَا ٱلۡمَدِينَةِ رَجُلٞ يَسۡعَىٰ قَالَ يَٰقَوۡمِ ٱتَّبِعُواْ ٱلۡمُرۡسَلِينَ﴾

(20) Ertinya: *Dan datanglah daripada sejauh-jauh negeri itu oleh seorang laki-laki dengan bersegera* (nama-nya laki-laki itu Ḥabīb al-Najjār) *pada hal berkata ia* (laki-laki itu) terhadap kepada penduduk-penduduk Anṭākiyah: "*Hai kaum-ku ikutilah kamu akan utusan yang bertiga itu."*

Keterangan yang pendek di atas ayat itu

Ḥabīb al-Najjar ini ia telah beriman dengan dua utusan yang mula-mula dan ia telah berbuat ibadat kepada Allah Ta'ala di dalam gua satu bukit di negeri itu. Maka tatkala sampai kepada-nya khabar utusan yang bertiga itu, langsung ia pun datang kepada mereka itu (utusan-utusan itu) dan ia pun menzahirkan ugama-nya (ibadat kepada Allah Ta'ala) dan ia menanya kepada utusan yang bertiga itu dengan kata-nya: Adakah kamu mahu minta upah di atas hukuman yang kamu bawa itu? Jawab mereka itu: Tidak.

Firman Tuhan:

﴿ٱتَّبِعُواْ مَن لَّا يَسۡـَٔلُكُمۡ أَجۡرٗا وَهُم مُّهۡتَدُونَ﴾

(21) Ertinya: Kata laki-laki itu lagi: "*Ikutilah kamu* (wahai penduduk Anṭākiyah) *akan mereka* (utusan-utusan) ya*ng tidak meminta kepada kamu akan upahnya. Padahal mereka itu* (utusan-utusan) *orang yang telah dapat pertunjuk."* (Langsung menanya penduduk-penduduk Anṭākiyah kepada laki-laki itu dengan kata, "Engkau ini di atas ugama utusan-utusan itukah?") Maka langsung menjawab laki-laki itu dengan kata bagaimana[14]:

Firman Tuhan:

﴿وَمَالِيَ لَآ أَعۡبُدُ ٱلَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ﴾

(22) Ertinya: "*Dan apakah sesuatu yang ada bagiku? Pada hal tak boleh aku menyembah akan Tuhan[15], dan kepada-Nya dikembalikan sekalian kamu."*

[14] Sebagaimana, seperti mana. DBP: Dengan cara apa.

[15] Seolah kata, "apakah yang aku dapat jika aku tak menyembah Tuhan yang menciptakan aku?"

(Maksudnya, tak-dak apa-apa galangan[16] di atasku daripada menyembahkan Tuhan yang menjadikan daku – bahkan telah tetap aku menyembahkan Tuhan itu).

Firman Tuhan:

﴿ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدۡنِ ٱلرَّحۡمَٰنُ بِضُرّٖ لَّا تُغۡنِ عَنِّي شَفَٰعَتُهُمۡ شَيۡـٔٗا وَلَا يُنقِذُونِ﴾

(23) Ertinya: Kata laki-laki itu lagi, "*Adakah patut aku hendak mengambil yang lain daripada Allah Ta'ala* (berhala-berhala) *buat beberapa tuhan, jikalau dikehendaki ke atasku oleh Tuhan yang bernama (al-Raḥmān) dengan mengenai kemudaratan nescaya tidak boleh menolak dan melepas daripada aku oleh pertolongan mereka itu* (berhala-berhala) *sesuatu pun* (ya'ni daripada kemudaratan itu)."

Firman Tuhan:

﴿إِنِّيٓ إِذٗا لَّفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ﴾

(24) Ertinya: "*Bahawa sungguh aku kalau begitu* (kalau aku mengambil berhala-berhala buat tuhan) *adalah di dalam kesesatan yang terang.*"

Dan tatkala telah memberi nasihat oleh laki-laki itu kepada kaum-nya (penduduk Anṭākiyah) langsunglah membawa oleh kaum-nya itu kepada hendak membunuh akan laki-laki itu – maka bersegeralah laki-laki itu undur dan lari ke pihak utusan tadi sebelum dibunuhkan dia, serta ia pun berkata kepada utusan itu, bagaimana firman Allah Ta'ala:

Firman Tuhan:

﴿إِنِّيٓ ءَامَنتُ بِرَبِّكُمۡ فَٱسۡمَعُونِ﴾

(25) Ertinya: "*Bahawa sungguh aku telah beriman dengan Tuhan kamu* (wahai utusan-utusan) *maka hendaklah kamu dengar* (ya'ni akan iman-ku)" supaya kamu jadi saksi bagiku dengan dia kelak.

[16] DBP: Halangan.

Dan tatkala telah dibunuhkan laki-laki itu langsung dikatakan kepada laki-laki itu bagaimana firman Allah Ta'ala:

Firman Tuhan:

﴿قِيلَ ٱدۡخُلِ ٱلۡجَنَّةَۖ قَالَ يَٰلَيۡتَ قَوۡمِي يَعۡلَمُونَ﴾

(26) Ertinya: *Masuklah engkau* (wahi laki-laki) *ke dalam syurga langsung berkata ia: "Wahai sahabat-sahabat-ku, aku cita kaum-ku mengetahui mereka itu"* dengan perkara-perkara yang dalam firman Allah Ta'ala ini:

Firman Tuhan:

﴿بِمَا غَفَرَ لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ ٱلۡمُكۡرَمِينَ﴾

(27) Ertinya: "*Dengan ampuni bagiku oleh Tuhan-ku, dan menjadi akan daku setengah daripada mereka-mereka yang dimuliakan"* dengan syurga.

Penjagaan:

Laki-laki itu berkata bagaimana perkataan yang dihikayatkan oleh Tuhan ialah tatkala ia masuk ke dalam syurga dan melihat ia akan ni'mat-nya.

<u>Peringatan</u>

Kata al-Ḥasan tatkala mengehendaki membunuh akan laki-laki itu oleh kaum-nya (penduduk Anṭākiyah) langsung diangkat akan dia oleh Allah Ta'ala kepada-Nya dan ia di dalam syurga tiada mati melainkan dengan dibinasa langit dan bumi.

Firman Tuhan:

﴿۞ وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ مِنۢ بَعۡدِهِۦ مِن جُندٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَمَا كُنَّا مُنزِلِينَ﴾

(28) Ertinya: *Dan tiada Kami menurun di atas kaum-nya* (kaum laki-laki yang beriman itu) *kemudian daripadanya* (kemudian daripada telah dibunuh akan dia) *akan tentera* (malaikat-malaikat) *daripada langit* (ya'ni supaya mengazabkan mereka itu) *dan tiada Kami menurunkan* (ini cakapan mekuatkan yang dahulu – bahkan pekerjaan

Kami hendak binasakan kaum-kaum yang kafir itu terlebih mudah dengan tidak berhajat kepada menurunkan tentera itu).

Firman Tuhan:

﴿إِن كَانَتۡ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ فَإِذَا هُمۡ خَٰمِدُونَ﴾

(29) Ertinya: *Tiada ada ia* (ʿuqūbah atau bala) *melainkan jerit satu kali sahaja* (jerit Jibrīl) *maka tiba-tiba mereka itu semuanya mati.*

Firman Tuhan:

﴿يَٰحَسۡرَةً عَلَى ٱلۡعِبَادِۚ مَا يَأۡتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ﴾

(30) Ertinya: *Hai kesalan yang bersangat di atas hamba-hamba Allah, tidaklah datang kepada mereka itu oleh satu Rasul melainkan adalah mereka itu membuat olok-olok dan senda-senda dengan dia.*

Keterangan yang pendek

Bahawasa mereka itu (hamba-hamba Allah) sebenarlah dengan bahawa tersesal diatas mereka itu oleh-oleh yang tersesal, dan mengeluh di atas kelakuan mereka itu oleh-oleh yang mengeluh, dan dikehendaki dengan "hamba-hamba Allah" di sini ialah puak-puak yang mendustakan dengan Rasul-Rasul mereka itu.

Firman Tuhan:

﴿أَلَمۡ يَرَوۡاْ كَمۡ أَهۡلَكۡنَا قَبۡلَهُم مِّنَ ٱلۡقُرُونِ أَنَّهُمۡ إِلَيۡهِمۡ لَا يَرۡجِعُونَ﴾

(31) Ertinya: *Adakah tidak mengetahui dan mengambil I'tibar oleh mereka itu* (pendusta-pendusta akan Rasul-Rasul) *banyaklah umat-umat yang dahulu telah Kami membinasakan dahulu daripada mereka itu – bahawa mereka itu* (umat-umat yang dahulu yang telah binasa) *tidaklah lagi balik ke dunia.*

Firman Tuhan:

﴿وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ﴾

(32) Ertinya: *Dan tiada sekalian makhluq ini melainkan dihimpun dan dibawa hadir ke sisi Kami* (Tuhan) *kesemuanya* (kerana ḥisāb).

Tujuannya:

Sekalian umat-umat semua sekali akan dibawa hadir dan dihimpun pada hari qiamat kelak di hadapan Allah ﷻ maka dibalaskan amalan mereka itu – baiknya dan jahatnya.

Firman Tuhan:

﴿وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلْأَرْضُ ٱلْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَـٰهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ﴾

(33) Ertinya: *Dan bermula tanda bagi mereka itu* (umat-umat tadi) di atas kuasa Kami (Allah Ta'ala) menghidup dan membangkitkan sekalian orang yang telah mati – ialah bagaimana berkuasa *Kami menghidupkan bumi yang telah mati dan Kami mengeluarkan daripada-nya biji-bijian maka makan mereka itu daripada-nya* (biji-bijian itu).

Firman Tuhan:

﴿وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّـٰتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَـٰبٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ ٱلْعُيُونِ﴾

(34) Ertinya: *Dan Kami menjadikan di dalamnya* (bumi) *akan beberapa kebun khurma dan anggur dan Kami mengeluarkan padanya beberapa mata air.*

Firman Tuhan:

﴿لِيَأْكُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ﴾

(35) Ertinya: *Supaya makan mereka itu* (manusia) *akan buahan* yang dijadi akan dia oleh Allah Ta'ala *dan barang yang diusaha akan dia oleh tangan mereka itu* (seumpama menanam, menjirus dan sebagainya) *maka adakah patut itu kaum tidak mensyukuri* ni'mat-ni'mat Tuhan itu.

Firman Tuhan:

﴿سُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡأَزۡوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلۡأَرۡضُ وَمِنۡ أَنفُسِهِمۡ وَمِمَّا لَا يَعۡلَمُونَ﴾

(36) Ertinya: *Maha suci Tuhan yang menjadikan segala bagai-bagai semua sekali – iaitu daripada barang yang menumbuh akan dia oleh bumi*, (tanam-tanaman dan buah-buahan) *dan barang yang terkeluar daripada diri mereka itu* iaitu anak-anak laki-laki dan perempuan *dan bagai-bagai yang tiada mereka itu mengetahui* (iaitu barang yang tiada diperlihat akan mereka itu oleh Allah Ta'ala).

Firman Tuhan:

﴿وَءَايَةٞ لَّهُمُ ٱلَّيۡلُ نَسۡلَخُ مِنۡهُ ٱلنَّهَارَ فَإِذَا هُم مُّظۡلِمُونَ﴾

(37) Ertinya: *Dan bermula tanda dan dalil bagi mereka itu* (umat-umat tadi) di atas kuasa Allah Ta'ala membangkit itu ialah *malam yang Kami* (Allah Ta'ala) *mengeluarkan* (cabutkan) *daripada-nya siang, maka tiba-tiba mereka itu gelap gelita*.

Firman Tuhan:

﴿وَٱلشَّمۡسُ تَجۡرِي لِمُسۡتَقَرّٖ لَّهَاۚ ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ﴾

(38) Ertinya: *Dan* juga tanda dan dalil bagi mereka itu di atas kuasa Allah Ta'ala perkara itu ialah *matahari yang berlari pada tempat perjalanan-nya, bermula yang demikian itu* (berlari matahari pada tempat perjalanan-nya) *ialah dengan taqdir dan sukatan Tuhan al-ʿAzīz* (*yang mengerasi dengan qudrat-Nya) lagi al-ʿAlīm (yang mengetahui dengan tiap-tiap yang ma'lum)*.

Firman Tuhan:

﴿وَٱلۡقَمَرَ قَدَّرۡنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلۡعُرۡجُونِ ٱلۡقَدِيمِ﴾

(39) Ertinya: *Dan Kami menjadikan bagi perjalanan bulan itu beberapa tempat perhentian sehingga jadilah ia seperti manggal*[17] *tamar* yang kering lagi belok[18] *yang sudah lama* (lalu setahun).

Keterangan yang pendek

Manzilah bulan itu dua puluh lapan manzilah – berhenti ia di dalam satu daripadanya pada tiap-tiap satu malam, kemudian tertutup ia (bulan) pada dua malam—kalau bulan itu cukup[19], ataupun tertutup satu malam—kalau bulan itu kurang, maka apabila adalah ia pada akhir manāzil-nya jadi halus dan belok seperti rupa busra-nya[20] (melekung seperti rupa mula-mula timbul sehari dua hari dahulu).

Firman Tuhan:

﴿لَا ٱلشَّمۡسُ يَنۢبَغِي لَهَآ أَن تُدۡرِكَ ٱلۡقَمَرَ وَلَا ٱلَّيۡلُ سَابِقُ ٱلنَّهَارِۚ وَكُلّٞ فِي فَلَكٖ يَسۡبَحُونَ﴾

(40) Ertinya: *Tiadalah matahari itu seyogia baginya* (tidak mudah dan tidak sah baginya) *bahawa ia mendapat akan bulan*. (Maksudnya: tak boleh matahari berhimpun serta bulan pada masa yang satu dan masuk ia dalam perintahan-nya maka menghapus ia akan cahaya-nya kerana ada bagi tiap-tiap satu daripada matahari dan bulan itu perintahan-nya – maka matahari itu perintahan-nya siang dan bulan itu perintahan-nya malam) – *dan tiada* alamat *malam itu* (bulan) *boleh mendahului akan* alamat *siang* (matahari) – kata dalam Nasafī: Dan sentiasalah – pekerjaan itu di atas ini *tartīb*[21] sehingga berdiri qiamat – maka menghimpun Allah Ta'ala di antara matahari dan bulan, dan naiklah matahari ikut sebelah maghrib intahā: - *Dan bermula tiap-tiap daripada matahari dan bulan itu berjalan ia pada tempat perjalanan-nya*.

---

[17] Barangkali yang dimaksudkan ialah "manggar". DBP: Mayang.

[18] Jawi: «بيلوة». Barangkali yang dimaksudkan ialah "belok", iaitu bengkok, melengkung. Tafsir al-Nasafī: « عود الشمراخ إذا يبس واعوجّ» (ʿAwd ("kembali") tangkai adalah apabila ia **kering** dan **bengkok**). Wallahu aʿlam.

[19] Bulan cukup: 30 hari. Bulan kurang: 29 hari.

[20] Jawi: «بوسراڽ». Barangkali yang dimaksudkan ialah "busur" (panah), yang berbentuk melengkung. Turjumān al-Mustafīd: «Mayang-mayang khurma yang lagi kecil lagi bengkok seperti **panah**». Wallahu aʿlam.

[21] Susunan, aturan.

Firman Tuhan:

﴿وَءَايَةٌ لَّهُمۡ أَنَّا حَمَلۡنَا ذُرِّيَّتَهُمۡ فِي ٱلۡفُلۡكِ ٱلۡمَشۡحُونِ﴾

(41) Ertinya: *Dan bermula tanda kuasa Kami bagi mereka itu* pula di atas membangkit dan menghidupkan sekalian yang telah mati – *ialah bahawasa Kami memuatkan dan membubuhkan anak-anak cucu mereka itu ke dalam bahtera* (perahu) *yang terpenuh.*

Maksudnya: Terpenuh dengan beberapa isi-nya yang diambil daripada satu negeri bawa kepada negeri yang lain dengan cara berniaga mencari kehidupan. Ataupun ditafsirkan: Anak-anak cucu itu ialah bapa-bapa mereka itu (nenek-nenek mereka itu) yang zaman dahulu dan dipakaikan dengan ma'na lawan – iaitu disebut anak-anak cucu dan dikehendaki bapa. Dan ditafsirkan bahtera itu dengan perahu Nabi Allah Nūḥ عَلَيۡهِ ٱلسَّلَامُ.

Firman Tuhan:

﴿وَخَلَقۡنَا لَهُم مِّن مِّثۡلِهِۦ مَا يَرۡكَبُونَ﴾

(42) Ertinya: Dan juga tanda kuasa Kami – *Kami menjadikan bagi mereka itu barang yang boleh mereka itu buat kenaikkan* – iaitu binatang unta yang boleh berjalan ke merata tempat – *pada hal ia seumpama bahtera tadi.*

Firman Tuhan:

﴿وَإِن نَّشَأۡ نُغۡرِقۡهُمۡ فَلَا صَرِيخَ لَهُمۡ وَلَا هُمۡ يُنقَذُونَ﴾

(43) Ertinya: *Dan jika Kami mengehendaki metenggelamkan mereka itu semuanya nescaya boleh Kami metenggelamkan mereka itu semuanya maka tiada seorang jua pun boleh menolongkan mereka itu – dan tiada mereka itu boleh dilepaskan.*

Firman Tuhan:

﴿إِلَّا رَحۡمَةً مِّنَّا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٍ﴾

(44) Ertinya: *Melainkan kerana kesian belas daripada Kami dan kerana memberi kesedapan daripada Kami di dalam masa hidup di atas dunia ini sehingga sampai masa mati* (oleh sebab itu Kami tidak metenggelamkan).

Firman Tuhan:

﴿وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّقُواْ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيكُمۡ وَمَا خَلۡفَكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ﴾

(45) Ertinya: *Dan apabila dikatakan bagi mereka itu* (puak-puak pendusta), "*Takutlah sekalian kamu akan barang yang ada di hadapan kamu* (azab dunia) *dan barang yang ada di belakang kamu* (azab akhirat) *sebenar-benar kamu diberi rahmat-kan kamu"* – (nescaya berpaling mereka itu daripada menerima nasihat yang dikatakan kepada mereka itu).

Firman Tuhan:

﴿وَمَا تَأۡتِيهِم مِّنۡ ءَايَةٖ مِّنۡ ءَايَٰتِ رَبِّهِمۡ إِلَّا كَانُواْ عَنۡهَا مُعۡرِضِينَ﴾

(46) Ertinya: *Dan tidak datang kepada mereka itu* (mushrikīn) *satu ayat yang ada daripada beberapa ayat Tuhan mereka itu – melainkan pada hal adalah mereka itu berpaling daripadanya* (ya'ni membohongkan dan tidak mengambil i'tibar yang sahih yang membawakan kepada mereka itu beriman dengan Allah dan Rasul-Nya).

Firman Tuhan:

﴿وَإِذَا قِيلَ لَهُمۡ أَنفِقُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنُطۡعِمُ مَن لَّوۡ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطۡعَمَهُۥٓ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ﴾

(47) Ertinya: *Dan apabila dikatakan* (ya'ni dengan cara memberi nasihat, dan yang berkata itu ialah fuqarāʾ al-ṣaḥābah) *bagi mereka itu* (mushrikīn Mekah), *"Keluarkanlah kamu nafqah daripada barang* (harta) *yang dikurniai akan kamu oleh Allah Ta'ala", nescaya menjawab oleh puak-puak yang kafir itu kepada orang-orang yang muʾminīn* – dengan kata: "*Adakah patut kami hendak memberi makan akan mereka-mereka yang kalau Allah Ta'ala mengehendaki memberi makan akan dia nescaya memberi makan Ia."* (Kata orang-orang muʾminīn terhadap kepada orang-orang kafir dengan cara Tuhan hikayat) "*Tiada sekalian kamu* (wahai mushrikīn) *melainkan di dalam kesesatan yang terang."*

Firman Tuhan:

﴿وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ﴾

(48) Ertinya: *Dan berkata mereka itu* (mushrikūn), *"Bilakah masa ini perjanjian* (ya'ni bangkit dan qiamat) *jika adalah kamu* (wahai Muhammad dan muʾminīn) *orang-orang yang benar"* pada tentang bangkit itu.

Firman Tuhan buat jawab di atas pertanyaan itu:

Firman Tuhan:

﴿مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ تَأۡخُذُهُمۡ وَهُمۡ يَخِصِّمُونَ﴾

(49) Ertinya: *Tidak menanti mereka itu* (kuffār) *melainkan pekik dan jerit yang satu* (ya'ni tiupan Isrāfīl dalam sangkala sebagai tiupan kali yang pertama) *pada hal mengenai akan mereka itu dan mereka itu dalam sibuk dengan hal mereka itu* – dengan tidak terlintas sedikit pun di hati mereka itu kedatangan ini perkara.

Firman Tuhan:

﴿فَلَا يَسۡتَطِيعُونَ تَوۡصِيَةٗ وَلَآ إِلَىٰٓ أَهۡلِهِمۡ يَرۡجِعُونَ﴾

(50) Ertinya: *Maka tidak berkuasa* (tidak sempat) *mereka itu hendak berpesan sesuatu pun dan tidak juga sempat mereka itu hendak kembali kepada ahli mereka itu* (ya'ni kalau mereka itu tidak ada bersama dengan ahli pada masa jerit itu).

Firman Tuhan:

﴿وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَإِذَا هُم مِّنَ ٱلۡأَجۡدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمۡ يَنسِلُونَ﴾

(51) Ertinya: *Dan ditiupkan pula* oleh Isrāfīl *dalam sangkala* (ya'ni sebagai tiup yang kedua) *maka tiba-tiba mereka itu* (mereka yang di dalam qubur) *keluarlah dengan bersegera daripada qubur* masing-masing dengan terpaksa (ya'ni tidak dengan cara jalan ikhtiyār) *pada hal berhadap mereka itu kepada Tuhan*.

Penjagaan

Adalah sengkang di antara tiupan yang pertama dengan tiupan yang kedua itu empat puluh tahun.

Firman Tuhan:

﴿قَالُواْ يَٰوَيۡلَنَا مَنۢ بَعَثَنَا مِن مَّرۡقَدِنَاۜ هَٰذَا مَا وَعَدَ ٱلرَّحۡمَٰنُ وَصَدَقَ ٱلۡمُرۡسَلُونَ﴾

(52) Ertinya: *Berkata mereka itu* (ya'ni puak-puak kuffār yang kena bangkit itu) wahai kaum kami ataupun jaga-jaga[22] "*Binasalah kita akan sebagai binasa – siapakah yang membangkit* dan yang mehidup *akan kita daripada tempat ketiduran kita?"* (Langsung menjawab setengah yang kena bangkit itu kepada setengah yang lain dengan kata-nya):- "*Inilah bangkit yang dijanjikan oleh Tuhan yang bernama al-Raḥmān dan telah benarlah sekalian Rasul"*, (ya'ni mengakulah mereka itu dengan kata « هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ» pada masa dan waktu yang tidak memberi manfaat akuan mereka itu bagi diri mereka itu.

Penjagaan

Berkata Ibn ʿAbbās: Ha sungguh berkata mereka itu ini perkataan «مَن بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا» kerana bahawasa Allah Ta'ala mengangkat daripada mereka itu azab di antara dua tiupan itu. Maka dapatlah mereka itu tidur. Maka apabila dibangkitkan mereka itu kemudian daripada tiupan yang kedua dan mereka itu melihat huru-hara dan bala qiamat langsung mereka itu pun menyeru dengan kata «يَا وَيْلَنَا» intahā min Khāzin[23].

Firman Tuhan:

﴿إِن كَانَتۡ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ فَإِذَا هُمۡ جَمِيعٞ لَّدَيۡنَا مُحۡضَرُونَ﴾

(53) Ertinya: *Tidak ada ia* (jerit yang kedua – ya'ni bangkit dan hidup daripada qubur itu) *melainkan satu kali jerit sahaja. Maka tiba-tiba mereka itu* (mereka-mereka

[22] "wahai kaum kami ataupun jaga-jaga" – barangkali silap tulis.

[23] Al-Imām ʿAlā' al-Dīn ʿAlī Bin Muḥammad Bin Ibrāhīm al-Baghdādī al-shahīr bi al-Khāzin رَحِمَهُ ٱللَّهُ (w. 725H). Pemilik kitab tafsir Lubāb al-Ta'wīl fī Maʿānī al-Tanzīl.

yang di dalam qubur) *hadir ke sisi Kami sekalian* (ya'ni kerana hendak di-ḥisāb-kan amalan mereka itu dan tidak tertinggal seorang pun daripada mereka itu).

Penjagaan

Dan dikehendaki dengan jerit yang kedua itu – iaitu cakapan Isrāfīl dalam sangkala dengan kata « أَيَّتُهَا الْعِظَامُ النَّخِرَةُ وَالْأَوْصَالُ الْمُتَقَطِّعَةُ، وَالْعِظَامُ الْمُتَفَرِّقَةُ وَالشُّعُورُ الْمُتَمَزِّقَةُ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَجْتَمِعْنَ لِفَصْلِ الْقَضَاءِ» ertinya: Wahai tulang-tulang yang telah buruk, dan urat-urat yang telah putus, dan tulang-tulang yang telah bercerai-berai dan bulu-bulu yang telah carik – bahawasanya Allah Ta'ala menyuruh akan sekalian kamu berhimpun kerana memutuskan hukuman.

Firman Tuhan:

﴿فَٱلۡيَوۡمَ لَا تُظۡلَمُ نَفۡسٞ شَيۡـٔٗا وَلَا تُجۡزَوۡنَ إِلَّا مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ﴾

(54) Ertinya: *Maka pada hari ini* (hari qiamat – ialah hari bangkit daripada qubur) *tidaklah dibuat zalim akan seorang walaupun sedikit, dan tidak dibalas akan sekalian kamu melainkan apa-apa barang yang telah ada kamu buat di dunia pada masa dahulu.*

Firman Tuhan:

﴿إِنَّ أَصۡحَٰبَ ٱلۡجَنَّةِ ٱلۡيَوۡمَ فِي شُغُلٖ فَٰكِهُونَ﴾

(55) Ertinya: *Bahawasanya penduduk-penduduk di dalam syurga pada hari ini* (hari qiamat) *adalah mereka itu di dalam pekerjaan sukacita* (ya'ni tidak bergaduh dengan pekerjaan yang lain yang menyusah dan memenatkan mereka itu) – *lagi pula mereka itu di dalam bersedap dengan ni'mat syurga itu.*

Firman Tuhan:

﴿هُمۡ وَأَزۡوَٰجُهُمۡ فِي ظِلَٰلٍ عَلَى ٱلۡأَرَآئِكِ مُتَّكِـُٔونَ﴾

(56) Ertinya: *Bermula mereka itu* (ahli syurga) *dan isteri-isteri mereka itu adalah sekaliannya di dalam teduh* (ya'ni tidak mengenai ke atas mereka itu matahari) *lagi pula mereka itu menyenggeng di atas katil* yang ada berkelambu.

Firman Tuhan:

﴿لَهُمۡ فِيهَا فَٰكِهَةٞ وَلَهُم مَّا يَدَّعُونَ﴾

(57) Ertinya: *Thabit-lah bagi mereka itu* (ahli syurga) *buah-buahan yang banyak* daripada bagai-bagai buahan *dan ada pula bagi mereka itu* (ahli syurga) *barang* (apa-apa benda) *yang mereka itu cita*. (Ayat itu menerangkan barang-barang yang mereka itu boleh buat kudapan di dalam syurga itu).

Bertitah Allah Ta'ala kepada ahli syurga dengan wāsiṭah malaikat kata-Nya:

Firman Tuhan:

﴿سَلَٰمٞ قَوۡلٗا مِّن رَّبّٖ رَّحِيمٖ﴾

(58) Ertinya: "*Bermula kesejahteraan itu adalah daripada Tuhan yang amat mengasihani*".

Ertinya – dan maksudnya bertitah Allah Ta'ala kepada ahli syurga dengan kata-Nya kelak «سَلَامٌ عَلَيْكُمْ». Ertinya: Bermula kesejahteraan itu adalah di atas kamu, wahai ahli-ahli syurga. Dan kata setengah tafsīr – ayat itu menerangkan barang yang mereka itu cita tadi:- Ertinya: Barang yang mereka itu cita itu ialah memohonkan taslīm daripada Tuhan mereka itu – kerana membesarkan bagi mereka itu lalu Tuhan pun bertitah dengan kata-Nya «سلام قولا من رب رحيم».

Firman Tuhan:

﴿وَٱمۡتَٰزُواْ ٱلۡيَوۡمَ أَيُّهَا ٱلۡمُجۡرِمُونَ﴾

(59) Ertinya: *Dan hendak berasing-lah* (bersuku-lah) *kamu wahai puak-puak kafir yang berdosa* (ya'ni berasing daripada puak-puak orang yang muʾminīn).

Firman Tuhan:

﴿۞ أَلَمۡ أَعۡهَدۡ إِلَيۡكُمۡ يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ أَن لَّا تَعۡبُدُواْ ٱلشَّيۡطَٰنَۖ إِنَّهُۥ لَكُمۡ عَدُوّٞ مُّبِينٞ﴾

(60) Ertinya: *Bukankah Aku* (Allah Ta'ala) *telah buat janji kepada kamu* (ya'ni di atas lidah rasul-rasul-Ku) *wahai anak cucu Adam – iaitu janganlah menyembah sekalian kamu akan shayṭān* – kerana *bahawasanya ia seteru yang nyata bagi kamu.*

Firman Tuhan:

﴿وَأَنِ ٱعۡبُدُونِيۚ هَٰذَا صِرَٰطٞ مُّسۡتَقِيمٞ﴾

(61) Ertinya: *Dan sembahlah sekalian kamu akan Daku* (Allah Ta'ala), *inilah jalan yang betul.*

Firman Tuhan:

﴿وَلَقَدۡ أَضَلَّ مِنكُمۡ جِبِلّٗا كَثِيرًاۖ أَفَلَمۡ تَكُونُواْ تَعۡقِلُونَ﴾

(62) Ertinya: *Demi sungguhnya telah menyesat ia* (shayṭān itu) *akan makhluq yang banyak daripada kamu* (wahai anak cucu Adam). *Maka adakah tidak kamu mengambil fikir* (ya'ni di atas perseteruan-nya dan membuat kesesatan-nya itu atau pun mengambil fikir di atas azab yang telah tertimpa di atas mereka itu (makhluq yang banyak) maka sebab itu kamu beriman).

Dan dikatakan bagi mereka itu di akhirat kelak bagaimana firman Tuhan ini:

Firman Tuhan:

﴿هَٰذِهِۦ جَهَنَّمُ ٱلَّتِي كُنتُمۡ تُوعَدُونَ ٱصۡلَوۡهَا ٱلۡيَوۡمَ بِمَا كُنتُمۡ تَكۡفُرُونَ﴾

(63) Ertinya: "*Ini ialah neraka Jahannam yang telah ada dijanji akan kamu"* (ya'ni pada masa di atas dunia dahulu).

Firman Tuhan:

﴿ٱصۡلَوۡهَا ٱلۡيَوۡمَ بِمَا كُنتُمۡ تَكۡفُرُونَ﴾

(64) Ertinya: *Masuklah kamu* (wahai kuffār) *ke dalamnya* (Jahannam) *pada hari ini* (hari qiamat) *dengan sebab keadaan kamu pada masa di atas dunia dahulu kafir*.

Firman Tuhan:

﴿ٱلۡيَوۡمَ نَخۡتِمُ عَلَىٰٓ أَفۡوَٰهِهِمۡ وَتُكَلِّمُنَآ أَيۡدِيهِمۡ وَتَشۡهَدُ أَرۡجُلُهُم بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ﴾

(65) Ertinya: *Pada hari ini* (hari qiamat) *Kami* (Allah Ta'ala) *materi-kan di atas mulut-mulut mereka itu* (kuffār) dan *bercakap akan Kami tangan-tangan mereka itu, dan menyaksikan* (meriwayatkan) *kepada Kami kaki-kaki mereka itu* (dan lain-lain-nya lagi) *dengan barang apa pun yang telah ada mereka itu membuat pada masa di atas dunia dahulu.*

Firman Tuhan:

﴿وَلَوۡ نَشَآءُ لَطَمَسۡنَا عَلَىٰٓ أَعۡيُنِهِمۡ فَٱسۡتَبَقُواْ ٱلصِّرَٰطَ فَأَنَّىٰ يُبۡصِرُونَ﴾

(66) Ertinya: *Dan jikalau Kami mengehendaki* (ya'ni mengehendaki menghapuskan biji-biji mata mereka itu) *nescaya Kami boleh menghapuskan dia* (Kami boleh menghilangkan biji-biji mata mereka itu) ma*ka bersegera mereka itu berhadap kepada jalan* (bagaimana biasa ini dengan cara jalan farḍu dan taqdīr sahaja) *maka betapa hal mereka itu dapat melihat* (ya'ni pada ketika dihapuskan biji-biji mata mereka itu – ya'ni telah tentu mereka itu tak dapat melihat).

Firman Tuhan:

﴿وَلَوۡ نَشَآءُ لَمَسَخۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمۡ فَمَا ٱسۡتَطَٰعُواْ مُضِيّٗا وَلَا يَرۡجِعُونَ﴾

(67) Ertinya: *Dan jikalau Kami mengehendaki* (mengubahkan rupa mereka itu) *nescaya boleh Kami mengubahkan dia*:- (ya'ni menjadikan kera dan babi ataupun menjadikan batu) *pada tempat-tempat mereka itu selalu*[24] *maka tidak berkuasa mereka itu hendak lari pergi dan tidak pula kuasa hendak lari balik.*

Firman Tuhan:

﴿وَمَن نُّعَمِّرۡهُ نُنَكِّسۡهُ فِي ٱلۡخَلۡقِۖ أَفَلَا يَعۡقِلُونَ﴾

[24] "Selalu" dalam loghat Kelantan berma'na "terus".

(68) Ertinya: *Dan barangsiapa yang Kami memanjang akan umur-nya nescaya Kami menukarkan dia pada tentang kejadian-nya* (ya'ni Kami menundukkan kepala-nya ke bawah – ya'ni bongkok) *maka adakah tidak memikir mereka itu* (akan bahawasanya Tuhan yang maha kuasa di atas perkara-perkara itu berkuasa pula di atas membangkitkan. Maka tidakkah mereka itu mahu beriman?)

Firman Tuhan:

﴿وَمَا عَلَّمْنَٰهُ ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ﴾

(69) Ertinya: *Dan tiada Kami* (Allah Ta'ala) *mengajar akan dia* (Nabi Muhammad ﷺ) *itu syair, dan tidak layak ia bagi-nya* (bagi sya'ir). *Tiada ia* (barang yang Nabi Muhammad bawa datang itu) *melainkan pengajaran dan Qur'an yang menerangkan* (ya'ni yang menyatakan segala hukuman dan lain-lainnya).

Firman Tuhan:

﴿لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ﴾

(70) Ertinya: (Diturunkan Qur'an ke atas Nabi Muhammad ﷺ itu) *supaya membuat menakuti ia akan mereka yang berkeadaannya hidup* (dengan cara memikirkan barang yang terhadap ke atas mereka itu – iaitulah sekalian orang yang muʾminīn dan mereka itu seperti orang yang hidup) *dan tetaplah perkataan* (ya'ni kalimah azab) *itu ke atas sekalian orang yang kāfirīn* (dan mereka itulah seperti orang yang mati).

Firman Tuhan:

﴿أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا خَلَقْنَا لَهُم مِّمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَآ أَنْعَٰمًا فَهُمْ لَهَا مَٰلِكُونَ﴾

(71) Ertinya: *Dan adakah tidak melihat* (mengetahui) *mereka itu* (mushrikūn) *bahawasanya Kami* (Allah Ta'ala) *telah menjadikan – kerana mereka itu beberapa binatang anʿām* iaitu (unta, lembu, termasuk kerbau dan kambing termasuk kibash dan biri-biri) p*ada hal semua binatang-binatang itu setengah daripada perbuatan yang tersebab daripada qudrah Kami, maka mereka itu dapat memilik dan memerintah akan dia* (ya'ni telah tetap bahawasanya mereka itu telah mengetahui segala perkara itu).

Firman Tuhan:

﴿وَذَلَّلْنَٰهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ﴾

(72) Ertinya: *Dan telah Kami mempermudahkan dia* (binatang-binatang itu) *bagi mereka itu – maka setengah daripadanya jadi kenaikkan mereka itu* (pada segala perjalanan mereka itu) *dan setengah daripadanya mereka itu makan* (kemudian daripada disembelihkan).

Firman Tuhan:

﴿وَلَهُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ وَمَشَارِبُ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ﴾

(73) Ertinya: *Dan ada pula bagi mereka itu* (mushrikīn) *pada binatang-binatang itu beberapa manfaat* (yang lain daripada kenaikkan dan makan itu – seperti kulit, bulu dan sebagainya) *dan ada pula tempat minuman-nya* (iaitu kopek tempat susu) *maka adakah mereka itu tidak mahu syukur* (akan Tuhan yang memberi ni'mat ke atas mereka itu dengan bahawa me-tawhid akan Dia dan beribadah kepada-Nya – ya'ni tidak layak dan tidak patut sekali-kali mereka itu tidak me-tawhid akan Dia dan tidak beribadah kepada-Nya).

Firman Tuhan:

﴿وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لَّعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ﴾

(74) Ertinya: *Dan telah mengambil mereka itu beberapa Tuhan yang lain daripada Allah Ta'ala* (ya'ni berhala) *harap mereka itu dapat pertolongan* (dapat lepas daripada azab Allah Ta'ala dengan syafaat berhala itu di atas sangka mereka itu).

Firman Tuhan:

﴿لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ﴾

(75) Ertinya: *Tidak berkuasa mereka itu* (berhala-berhala itu) *memberi pertolongan* (ya'ni kepada penyembah-penyembah-nya itu) *dan bermula mereka itu* (berhala-

berhala itu) *ialah tentera bagi mereka itu* (mushrikīn) – dengan (sebab sangka mereka itu dapat pertolongan) *lagi pula berhala-berhala itu dibawa hadir* (ke dalam neraka supaya diazabkan mushrikīn itu dengan dia).

Firman Tuhan:

﴿فَلَا يَحۡزُنكَ قَوۡلُهُمۡۘ إِنَّا نَعۡلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعۡلِنُونَ﴾

(76) Ertinya: *Maka janganlah menduka cita akan dikau* (yā Rasulallah) *oleh cakapan mereka itu* (dengan kata kepada engkau: «لَسْتَ مُرْسَلًا» ertinya: Bukanlah engkau rasul) – kerana *bahawasanya Kami* (Allah Ta'ala) *mengetahui barang yang mereka itu menyembunyi* (ya'ni di dalam hati mereka itu – iaitu hendak mendusta, menipu dan khianat) *dan juga Kami mengetahui barang yang mereka itu menyatakan* (ya'ni seperti mereka itu menyembahkan berhala-berhala itu) maka Kami akan membalaskan mereka itu di atas perbuatan-nya itu).

Firman Tuhan:

﴿أَوَلَمۡ يَرَ ٱلۡإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقۡنَٰهُ مِن نُّطۡفَةٖ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٞ مُّبِينٞ﴾

(77) Ertinya: *Dan adakah tidak mengetahui manusia bahawasanya Kami* (Allah Ta'ala) *telah menjadi akan dia daripada nutfah* (air mani yang kotor sehingga Kami menjadikan dia kuat kuasa) *maka tiba-tiba ia jadi musuh yang kuat* (bagi Kami) *yang terang*.

(Maksudnya tidak layak dan tidak patut sekali-kali manusia itu membuat musuh kepada Allah Ta'ala dengan ditilik dan pandangkan kepada asal kejadian itu).

Dikehendaki dengan “manusia” itu bagai ketentuan sebab turun ayat ini ia lah seorang yang bernama (al-ʿĀṣi bin Wāʾil)[25] tetapi di-I’tibarkan dengan umum lafaz ayat itu tidak dengan tentu sabab-sabab-nya[26].

Firman Tuhan:

﴿وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْيِ ٱلْعِظَٰمَ وَهِيَ رَمِيمٌ﴾

(78) Ertinya: *Dan telah menyebut atau menerang ia* (manusia itu) *akan satu mathal bagi Kami* (pekerjaan atau perkara yang pelik yang menafikan kekuasaan Kami) *pada hal lupa dan lalai ia akan kejadian-nya itu* (dan iaitu dijadikan dia daripada air mani yang kotor, dan ini terlebih pelik daripada mathal itu) langsung *berkata ia: Siapakah yang boleh mehidupkan tulang-tulang yang telah buruk dan hancur?* (Ini cakapan ialah yang dikehendaki dengan mathal tadi) –

Maksudnya cakapan itu: Tak-dak siapa-siapa pun berkuasa mehidupkan tulang-tulang yang telah buruk dan hancur itu. Dan berkata ia (manusia itu) kepada Nabi ﷺ: “Adakah engkau fikir boleh mehidup Allah Ta’ala akan ini (tulang-tulang itu) kemudian daripada telah buruk dan putus-putus?”: Jawab Nabi ﷺ: “Ya, dan akan memasuk Ia akan dikau ke dalam neraka”.

Firman Tuhan:

﴿قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِيٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ﴾

(79) Ertinya: *Katakanlah engkau* (wahai Rasulallah) *boleh mehidup akan dia* (tulang-tulang itu) *oleh Tuhan yang menjadi akan dia pada mula-mula kali, dan Ia-lah yang amat*

---

[25] Barangkali yang sebenar adalah Ubay bin Khalaf, seperti yang disebut dalam Tafsīr al-Nasafī dan al-Khāzin, yang membawa kisah bahawa Ubay bin Khalaf membawa tulang yang rapuh kepada Nabi ﷺ lalu mematahkan-nya, dan berkata, “Adakah engkau fikir …” rujuk tafsir ayat seterusnya. Wallahu aʿlam.

[26] “Manusia” itu adalah Bagai (Jins) bagi “ketentuan sebab turun ayat” (khuṣūṣ al-sabab) yang merupakan Nawʿ bagi Jins tadi, iaitu seorang individu yang bernama al-ʿĀṣi bin Wāʾil. Di sini diguna qa’idah « الْعِبْرَةُ بِعُمُومِ اللَّفْظِ لَا بِخُصُوصِ السَّبَبِ» ertinya: Pemaknaan adalah dengan umumnya Lafaz, bukan dengan khususnya Sabab. Iaitu walaupun ayat ini turun mengenai al-ʿĀṣi, tapi ia digunapakai untuk semua manusia. Untuk lebih penjelasan mengenai Jins dan Nawʿ, rujuk Īsāghūjī.

mengetahui dengan tiap-tiap suatu (ya'ni dengan cara ijmāl dan dengan cara tafṣīl – sebelum dijadikan dia dan kemudian daripada dijadikan dia).

Firman Tuhan:

﴿ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَآ أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ﴾

(80) Ertinya: *Ia-lah Tuhan yang menjadikan bagi kamu api yang terkeluar daripada pokok kayu yang hijau, tiba-tiba kamu menyalakan daripadanya* (erti maksudnya: Barangsiapa (Tuhan) yang berkuasa di atas mengadakan dan mengeluarkan api daripada kayu yang hijau serta ada basah yang melawankan dia nescaya adalah Ia amat berkuasa mekembali balik tubuh-tubuh yang telah hancur itu).

Firman Tuhan:

﴿أَوَلَيْسَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم ۚ بَلَىٰ وَهُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ﴾

(81) Ertinya: *Dan adakah tidak kuasa Tuhan yang boleh menjadikan tujuh lapis langit dan tujuh lapis bumi itu di atas menjadikan seumpama mereka itu* (ya'ni sekalian manusia yang kecil ini). *Jawabnya: Bahkan.* (Ia berkuasa di atas yang demikian itu – ini Tuhan jawab pertanyaan-Nya sendiri) – *dan Ia-lah Tuhan yang amat sangat boleh menjadikan makhluq lagi yang amat mengetahui.* (Maksudnya: Tidaklah Tuhan itu tidak berkuasa di atas yang demikian itu bahkan Ia amat kuasa).

Firman Tuhan:

﴿إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ﴾

(82) Ertinya: Ha sungguhnya adalah keadaan-Nya (Allah Ta'ala) itu apabila Ia mengehendaki akan (menciptakan) sesuatu, hanyalah Ia berfirman kepadanya (sesuatu itu) "Kun" (ertinya: "Jadilah"), maka selalu ia jadi wujud.

<u>Penjagaan</u>

Allah Ta'ala mengungkapkan perbuatan mencipta dengan kata "berfirman kepada-nya «كُنْ»" itu hanya untuk menerangkan kecepatan dan kemudahan perbuatan mencipta bagi Qudrah-Nya. Seolah kata, "sepertimana tidak berat ke atas kalian (makluq) untuk menyebut "kun", begitulah tidak berat ke atas Allah untuk memulakan penciptaan dan mengembalikannya."[27]

Firman Tuhan:

﴿فَسُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ﴾

(83) Ertinya: *Maka maha sucilah Tuhan yang thabit pada qudrat-Nya itu memilikki* (memerintahkan) *tiap-tiap suatu, dan kepada-Nya lah akan dikembali sekalian kamu* (wahai hamba Allah. Maka dibalaskan tiap-tiap mereka yang beramal itu dengan cara amalan-nya).

والله أعلم بالصواب، وبعونه وتوفيقه وهدايته قد تمت ترجمة هذه السورة وقت ضحى يوم الأربعاء 27 محرم 1378 هـ.[28]

[27] Mukasurat tafsir untuk ayat 82 ini luput dari manuskrip. Maka saya telah mencuba mengisi ruang itu dengan mentafsirkan dan meniru gaya penulis, bersumberkan Tafsir al-Nasafī, al-Khāzin dan al-Bayḍāwī.

[28] Terjemah: "Dan Allah-lah yang maha mengetahui akan kebenaran. Dan dengan pertolongan, tawfīq dan hidāyah-Nya telah sempurna terjemahan surah ini pada waktu ḍuḥā hari Rabu 27 Muḥarram 1378H." Ada tertulis dengan tulisan pen di bawah-nya: "13 Ogos 1958".